

Memperkasakan Amalan Kolaboratif dan Komuniti Pembelajaran Profesional

MINDA PENDIDIK

Oleh DR. ABDUL SAID AMBOTANG
& RUZIAH RUSDIN

KOMUNITI Pembelajaran Profesional (PLC) merupakan satu proses penambahbaikan sekolah yang memerlukan kepimpinan sekolah dan ahli komuniti bekerja secara kolaboratif untuk kecemerlangan murid. Kolaboratif menjadi elemen penting kepada model ini. PLC dikenal pasti oleh para sarjana masa kini sebagai elemen yang mampu mengubah tradisi pendidikan kepada meningkatkan kualiti pengajaran guru dan prestasi pencapaian murid.

Justeru itu fokus PLC tertumpu kepada satu anjakan untuk membudayakan semula konsep pembelajaran dengan memberikan peluang kepada komuniti sekolah bekerja secara berpasukan, mengutamakan perbincangan, pertambahan ilmu, pertukaran idea dan bahan pengajaran dan pembelajaran, mengenal pasti matlamat yang ditetapkan.

Kajian dalam bidang keberkesanan sekolah (*school effectiveness*) mendapati bahawa prestasi murid dipengaruhi oleh sistem sekolah yang berprestasi tinggi yang disokong oleh dua komponen utama iaitu kualiti kepimpinan dan kualiti guru. Dalam proses meningkatkan prestasi sekolah melalui peningkatan kualiti secara menyeluruh, semua sekolah diberikan kedudukan melalui proses penyenaian dan diberikan tingkat kedudukan (Band 1-7).

Sejumlah sekolah dalam kategori berprestasi rendah telah diberikan sokongan dan dorongan untuk penambahbaikan terhadap aspek kepimpinan serta pengajaran

dan pemudahcaraan (PdPc). Guru dan pemimpin sekolah diberikan latihan peningkatan profesionalisme oleh bahagian tertentu di Kementerian

Pelajaran Malaysia, seperti Bahagian Pendidikan Guru (BPG) dan Institut Aminudin Baki (IAB). Antara inisiatif yang dilaksanakan oleh BPG untuk memastikan kelestarian kualiti guru ialah Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC).

Pemilihan PLC sebagai satu inisiatif dalam meningkatkan kualiti guru adalah berdasarkan trend dan perkembangan pendidikan di negara maju yang mana pematapan komuniti pembelajaran profesional dalam kalangan pendidik dilihat sebagai usaha yang dapat meningkatkan profesionalisme guru. Konsep komuniti pembelajaran profesional di negara tersebut merangkumi aktiviti kolaboratif antara pihak sekolah dan pihak luar komuniti sekolah. Sekolah boleh membawa masuk pihak berkepentingan dari luar sekolah ke dalam bilik darjah untuk menterjemahkan kurikulum dan penyampaian kurikulum, serta aktiviti kolaboratif antara pihak berkepentingan dengan pihak sekolah untuk memantapkan penyampaian pendidikan bagi meningkatkan pencapaian murid.

Pelbagai aktiviti dalam pendekatan Komuniti Pembelajaran Profesional telah digunakan oleh masyarakat guru di negara maju, antaranya ialah pengajaran bersama rakan guru (*team teaching*), tunjuk cara dalam pengajaran (*lesson demonstration*), sistem sokongan rakan sekerja (*buddy support system*), perkongsian pintar antara komuniti sekolah dengan komuniti di luar sekolah, dan pengajaran secara kolaboratif (*collaborative teaching*). Lesson study sebagai satu aktiviti

pengajaran dan persediaan pengajaran secara kolaboratif semakin mendapat tempat dalam sistem pendidikan di negara maju.

Kolaboratif dalam komuniti Pembelajaran profesionalisme (PLC) boleh dilihat dalam lima dimensi. Dimensi pertama yang dikenal pasti ialah dimensi kepimpinan berkongsi dan menyokong. Banyak kajian mula memberi perhatian kepada kepimpinan yang menyokong dan meluaskan penyertaan dalam membuat keputusan secara kolaboratif yang memberi fokus kepada pencapaian murid. Oleh yang demikian pihak pentadbiran sekolah bertanggungjawab dalam menghadapi cabaran yang berlaku di sekolah. Justeru, salah satu ciri PLC iaitu kepimpinan berkongsi dan menyokong antara satu sama lain. Kepimpinan berkongsi dan menyokong merujuk kepada pihak atasan sekolah bersedia untuk berkongsi kuasa, autoriti dan membuat keputusan bersama-sama dengan guru di sekolah secara kolaboratif untuk mencapai keberkesanan terhadap perubahan yang telah dirancang dalam menambah baik pencapaian murid di sekolah.

Dalam PLC, menerima, menghargai dan membangunkan perubahan menjadi agak sukar kerana memerlukan persefahaman, rasa sepunya dan sokongan dalam menggunakan kuasa, autoriti dan membuat keputusan oleh semua guru. Hal ini berlaku kerana struktur di sekolah adalah pembelajaran dewasa, justeru itu, kolaborasi yang erat, penyertaan secara demokrasi dan kata sepakat dalam membangunkan persekitaran kondusif dan budaya sekolah secara berterusan sukar dicapai.

Dimensi yang kedua pula ialah budaya berkolaborasi. Dimensi

ini memperlihatkan amalan kolaborasi sentiasa menjadi budaya dan amalan dalam persekitaran sekolah yang mana golongan guru dan pemimpin bekerjasama dan berkolaborasi secara natural untuk melaksanakan perkongsian visi, misi dan nilai. Begitu juga fokus kepada matlamat untuk meningkatkan pedagogi pembelajaran dan meningkatkan pencapaian murid. Golongan ini perlu menerima hakikat tanggungjawab yang diamanahkan kepada mereka untuk meningkatkan kemenjadian murid.

Perkongsian visi, misi dan matlamat merupakan dimensi ketiga yang menunjukkan kolaborasi antara komuniti perlu dalam menjayakan perancangan yang telah dibuat. Dalam pelaksanaan PLC, golongan guru, pemimpin atasan dan pentadbir sekolah berkongsi visi, misi dan matlamat yang lebih fokus kepada peningkatan pembelajaran murid, dan wujudnya usaha yang kolektif untuk menambah baik kolaborasi tersebut. Visi, misi dan matlamat juga dijadikan penanda aras untuk menilai keberkesanan pengajaran guru dan usaha berpasukan terhadap pembelajaran. Oleh itu, pernyataan visi, misi dan matlamat menghasilkan tanggungjawab secara kolaboratif dan padu, dengan tumpuan sepenuhnya kepada pembelajaran dan pencapaian murid.

Amalan kolaboratif juga dapat dilihat dalam dimensi keempat komuniti pembelajaran profesionalisme (PLC) iaitu dimensi pembelajaran secara kolektif dan pengaplikasian. Amalan PLC di sekolah dan organisasi akan mempamerkan semua guru merentasi semua tugas sama ada pentadbir atau guru, dari jabatan dan bahagian terlibat dalam bersama untuk

belajar bekerja secara jelekik dan kolaboratif. Keadaan ini akan membolehkan mereka berterusan belajar bersama-sama dan mengaplikasikan dalam kerja seharian. Penekanan pembelajaran secara kolektif ini menunjukkan bahawa guru akan mendapat lebih manfaat berbanding dengan belajar secara sendiri.

Apabila memperkatakan tentang PLC bukan hanya setakat kolaborasi, tetapi ia merupakan pembelajaran secara kolaborasi tentang perkara yang dilihat sangat penting dalam komuniti. Semua guru terlibat dengan PLC akan memberi fokus utama kepada pengajaran yang berkesan dan meningkatkan pembelajaran murid. PLC yang berjaya di mana-mana jenis sekolah sekalipun lebih mementingkan kepada membangunkan perkongsian berasaskan pengetahuan yang akan menyumbangkan kepada peningkatan keupayaan ke arah pencapaian matlamat. Ini merangkumi mencapai matlamat pembelajaran murid ke tahap cemerlang.

Dimensi seterusnya ialah dimensi perkongsian amalan personel. Tumpuan utama PLC adalah pembelajaran untuk peningkatan profesionalisme. Amalan tersebut bermaksud guru bekerja dan belajar bersama-sama antara mereka, dan berkongsi pengalaman yang memanfaatkan mereka. Misalnya, guru berkongsi pengalaman, menyelia pengajaran rakan sejawat dan membuat refleksi dan membincangkan kegiatan yang dilakukan secara reflektif. Selanjutnya, mereka akan menilai keberkesanan amalan tersebut di samping keperluan, minat dan kemahiran yang dimiliki murid

mereka. Implikasinya, wujud peningkatan hubungan dalam kalangan guru, merangsangkan mereka untuk berbincang mengenai amalan profesional dan membantu guru membina kepakaran.

Kesimpulannya, PLC merupakan satu pendekatan baharu untuk membangunkan kapasiti warga sekolah. Pendekatan tersebut menekankan aktiviti pembelajaran secara berterusan tanpa mengambil kira hierarki dalam kalangan staf dan murid. Hasil melaksanakan pendekatan tersebut, tahap penglibatan warga sekolah khususnya guru dalam proses penambahbaikan sekolah adalah tinggi dan berupaya meningkatkan pencapaian diri mereka. Hasrat itu akan tercapai dengan strategi kepimpinan sekolah bagi mewujudkan komuniti pembelajaran profesional.

Dengan kata lain, peranan dan sokongan kepimpinan sekolah amat diperlukan kerana telah terbukti bahawa sememangnya kepimpinan sekolah berupaya melakukan perbezaan terhadap pencapaian sekolah. Pihak atasan sekolah dan guru secara kolaboratif perlu bertindak dengan inisiatif sendiri untuk melaksanakan semua cadangan tersebut. Jiwa pemimpin sekolah dan guru perlu menjwai dasar dan perancangan pendidikan.

Pemimpin sekolah dan guru hendaklah bersama-sama melakukan cadangan yang proaktif dan bukan kerana diarah, tetapi secara sukarela dan inisiatif sendiri. Justeru itu, amalan-amalan PLC untuk pemimpin sekolah boleh difikirkan bersama dan dilaksanakan dari hati sanubari barisan kepimpinan sekolah.

* Penulis adalah Pensyarah Kanan dan pelajar pascasiswazah di Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah